

Lahir mahasiswa bijaksana manfaat ruang kebebasan

• Semua ini menunjukkan agenda pemerkasaan mahasiswa diangkat KPT bukan hanya memusat pada politik kampus, tetapi pada pembinaan keupayaan mahasiswa menjadi ejen perubahan sosial yang berfungsi

• Ukuran sebenar pemerkasaan mahasiswa bukan hanya kepada apa yang kerajaan benarkan, tetapi sejauh manakah mahasiswa berani, berdisiplin dan berprinsip untuk menggunakan ruang itu dengan bijaksana



**Naib Canselor
Universiti Utara
Malaysia (UUM)**

Oleh Prof Dr Ahmad Martalia
Mohamed
bhrencana@bh.com.my

Tuduhan sesetengah pihak bahawa kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengongkang pelajar sukar diterima jika diteliti secara menyeluruh segala usaha yang digerakkannya di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Beberapa kali KPT menegaskan komitmennya untuk merealisasikan Agenda Pemerkasaan Mahasiswa secara menyeluruh di universiti awam (UA) sebagai usaha membina mahasiswa lebih matang dengan ahli kepemimpinan tinggi, bertanggungjawab, mahir dalam mengurus organisasi serta berkeupayaan mendepani cabaran sebenar dunia luar selepas bergraduasi.

Agenda ini memberi penekanan kepada pembangunan kepemimpinan, autonomi mahasiswa, keupayaan pengurusan serta pembentukan sahsiah seimbang agar siswazah UA bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik, bahkan bersedia memainkan peranan sebagai pemimpin, pembuat keputusan dan ejen perubahan dalam masyarakat dan negara.

Ia bukan sahaja menekankan kebebasan bersuara, bahkan memperkukuhkan autonomi organisasi pelajar, kebajikan, kepemimpinan serta keupayaan mahasiswa membina impak dalam komuniti.

Dalam erti kata lain, kerajaan sedang membina ekosistem kampus lebih matang dan memberi ruang, tetapi pada masa sama menuntut tanggungjawab.

Antara bukti paling konkrit ialah pendekatan KPT memilih untuk menambah baik Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) secara berfasa dan pragmatik.

Rang Undang-Undang (RUU) Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 dibentangkan Zambry di Dewan Rakyat pada 18 Mac 2024 dan di Dewan Negara pada 2 April 2024 membatalkan Seksyen 15A dan 16B AUKU serta Seksyen 48(4), Seksyen 48(11), Seksyen 48(12) dan Seksyen 49(2) Jadual Pertama AUKU.

Ia membatalkan Seksyen 15A bagi membenarkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan badan pelajar untuk merundingkan wang dan menerima sumbangan dalam apa cara sekali pun tertakluk kepada peraturan berkuat kuasa.

Selain itu, Seksyen 16B, iaitu memindahkan kuasa Pihak Berkuasa Tatatertib daripada Naib Canselor kepada Jawatankuasa Tatatertib Pelajar bagi pengendalian kes tatatertib di universiti.

Seterusnya ialah pindaan Seksyen 48(11b) Jadual Pertama AUKU yang membenarkan MPP membuka dan mengurus akaun dengan mana-mana institusi

keuangan sah serta Seksyen 48(12a) yang mewujudkan peraturan baharu yang akan dijadikan panduan kepada MPP dan pemegang jawatan dalam mengurus wang atau akaun.

Dimensi pemerkasaan lebih menyeluruh

Semua ini adalah tambahan kepada pindaan AUKU pada 10 Disember 2018 membatalkan pemansuhan Seksyen 15(2)(c) yang menghalang mahasiswa terlibat dalam kegiatan politik di kampus, sekali gus memberi lebih banyak ruang dan kebebasan kepada mahasiswa untuk bersuara serta berpolitik.

Zambry waktu itu menjelaskan semua pindaan ini, yang berkuatkuasa pada 1 Oktober 2024, adalah sebahagian Agenda Pemerkasaan Mahasiswa digerakkan KPT bagi memberi mahasiswa tanggungjawab lebih besar dalam menguruskan aktiviti berpersatuan mereka.

“Jika mahasiswa memilih untuk pasif walaupun ruang autonomi diperluas, keadaan itu tidak wajar ditafsirkan sebagai bukti kerajaan mengongkang”

Bagi memastikan Agenda Pemerkasaan Mahasiswa dilaksanakan secara berkesan tanpa menjejaskan autonomi diberikan kepada pelajar, beberapa prinsip pelaksanaan digariskan termasuk pelantikan Pegawai Penasihat bertindak sebagai mentor dan pemudah cara kepada badan pelajar bagi menyokong pelaksanaan inisiatif kemahasiswaan tanpa mencabuli autonomi mahasiswa yang diberikan.

Selain autonomi pengurusan aktiviti pelajar, pemilihan MPP di UA juga sudah dilaksanakan sepenuhnya oleh pelajar tanpa campur tangan pihak pentadbiran universiti.

Disamping itu, pemerkasaan mahasiswa juga tidak boleh disempitkan kepada kebebasan bersuara mereka semata-mata kerana kebebasan tanpa daya tahan hidup akan menjadi kekosongan. Atas kesedaran itu, penubuhan dan pementapan Yayasan Perkasa Siswa (YPS) memperlihatkan dimensi pemerkasaan lebih menyeluruh.

YPS diangkat sebagai medium talian hayat baharu untuk mahasiswa, khususnya dalam mengurus dan menyelaras hal ehwal kebajikan serta penyaluran bantuan secara lebih cepat dan bersepadu melalui

kerjasama dengan universiti.

Apabila kebajikan mahasiswa diperkukuh secara sistematik, ruang untuk mahasiswa aktif menyumbang, memimpin dan berorganisasi menjadi lebih realistik, kerana keperluan asas mereka turut diberikan perhatian.

Pada sisi pembangunan kepemimpinan, KPT juga meletakkan pemerkasaan mahasiswa sebagai agenda melahirkan pemimpin masa depan yang berwatak ‘glokal’. Program seperti iFUTURE 2025 adalah manifestasi kesungguhan Kementerian itu membina generasi pemimpin baharu yang matang dari segi nilai, pemikiran dan tanggungjawab sosial.

Pendekatan ini penting kerana pemimpin kampus berkualiti tidak terbentuk melalui retorik lantang semata-mata, tetapi melalui proses latihan, pendalaman, dialog dan disiplin membuat keputusan berasaskan fakta, bukan semata-mata sentimen media sosial.

Pada masa sama, program seperti SASAR KPT pula membuka ruang besar untuk mahasiswa memimpin projek komuniti, keusahawanan sosial universiti-komuniti, khidmat bakti dan inspirasi kepada pelajar sekolah.

Semua ini menunjukkan agenda pemerkasaan mahasiswa diangkat KPT bukan hanya memusat pada politik kampus, tetapi pada pembinaan keupayaan mahasiswa menjadi ejen perubahan sosial yang berfungsi.

Maka, apabila di sebalik semua ini masih wujud dakwaan bahawa pelajar ‘tidak bebas’ atau ‘tidak bersuara lantang’, persoalan lebih adil ialah adakah segala ruang tersedia ini dimanfaatkan secara maksimum?

Jika mahasiswa memilih untuk pasif walaupun ruang autonomi diperluas, keadaan itu tidak wajar ditafsirkan sebagai bukti kerajaan mengongkang. Ia lebih tepat untuk difahami sebagai cabangan budaya kampus, kelemahan libat urus organisasi mahasiswa atau sikap generasi masih terperangkap dalam dogma bahawa tugas mahasiswa hanya ‘belajar’.

Tegasnya, rekod inisiatif digerakkan KPT melalui pindaan AUKU, agenda kebebasan wacana, pemerkasaan kebajikan melalui YPS serta pembangunan kepemimpinan dan impak komuniti membuktikan tanggungan sedang dan membuka ruang, membina tanggungjawab dan membina ekosistem kampus lebih matang.

Dalam ruang semakin terbuka ini, ukuran sebenar pemerkasaan mahasiswa bukanlah hanya kepada apa yang kerajaan benarkan, tetapi kepada sejauh manakah mahasiswa berani, berdisiplin dan berprinsip untuk menggunakan ruang itu dengan bijaksana.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH